

13/02/2001

SEAMOE bincang isu kerjasama 10 negara

PERSIDANGAN Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMOE) yang akan berlangsung selama tiga hari di Hotel Pan Pasific Sutera Kota Kinabalu, bermula 12 hingga 14 Februari ini akan membincangkan pelbagai isu termasuk meningkatkan kerjasama sepuluh negara peserta.

Setiausaha Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa Kementerian Pendidikan, Raja Kamaruddin Ahmad, berkata antara lain perbincangan akan ditumpukan kepada perkembangan pendidikan terkini termasuk mengenai penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Perbincangan juga diadakan bagi menjalin kerjasama dan merancang projek baru di samping menilai projek serta perkembangan projek yang dijalankan sepanjang tahun lalu.

Sepuluh Menteri dan Timbalan Menteri Pendidikan Asean termasuk Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura, Thailand, Kemboja, Vietnam, Brunei Darussalam dan Laos serta perwakilan dari Kanada akan menghadiri persidangan itu.

Ia dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 12 Februari, jam 9 pagi.

Selain Dr Mahathir yang menyampaikan ucapan perasmian, Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad serta Presiden SEAMOE iaitu Menteri Pendidikan Indonesia, Dr Yahya Muhaimin, juga akan berucap pada hari perasmian itu.

Beliau berkata, selain itu perbincangan juga dijalankan bagi menyusun strategi dan perancangan bagi meningkatkan lagi pembangunan pendidikan di rantau ini.

Setiap negara peserta, katanya akan membentangkan laporan tahunan masing-masing dan perbincangan juga akan dilakukan bagi mengatasi pelbagai masalah serta kelemahan sesebuah projek yang dikendalikan.

"Negara ahli SEAMOE juga akan mencadangkan program baru yang boleh dilaksanakan sepanjang tahun ini bagi kebaikan bersama," katanya.

Beliau berkata, bidang pendidikan mengalami perubahan pesat di rantau ini contohnya penggunaan peralatan ICT yang pesat memerlukan perubahan dilakukan.

Menurutnya, selain perbincangan, lawatan ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Sekolah Kebangsaan Tamparuli juga diadakan bagi melihat secara dekat sistem pendidikan dan pembangunannya di negara ini.

"Sekolah Kebangsaan Tamparuli dipilih kerana kedudukannya di luar bandar tetapi dilengkapi dengan pelbagai kemudahan terkini termasuk ICT serta perkhidmatan TV Pendidikan/Astro," katanya.

Sekolah itu, katanya adalah contoh sekolah luar bandar yang mendapat bantuan penuh kerajaan dan menerima semua kemudahan seperti sekolah di bandar.

(END)